

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	20 JULY 2017

# Kolej Universiti Genovasi bakal ditubuhkan – Najib

UUM  
- 20/7/2017  
Pg. 3

**PUTRAJAYA 19 Julai** - Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengumumkan Kolej Universiti Genovasi (GUC) bakal ditubuhkan bagi memberi fokus terhadap kursus-kursus berasaskan pemikiran reka bentuk yang dapat mempersiapkan generasi masa kini untuk Revolusi Industri Keempat (Industri 4.0).

Perdana Menteri berkata, Kementerian Pendidikan Tinggi telah memberi kelulusan untuk kolej universiti berkenaan yang bermatlamat mewujudkan program pengajian keusahawanan, pengetahuan inovasi dan kemahiran terhadap tenaga kerja berkemahiran tinggi.

“Ini akan membolehkan Genovasi Malaysia mencapai khalayak yang lebih ramai dan meletakkan kedudukan Malaysia sebagai hab untuk mempromosikan pemikiran reka bentuk.

“Langkah ini selari dengan inisiatif seperti Persatuan Pemikiran Reka Bentuk Malaysia (DTAM) untuk memperluaskan Genovasi dan pemikiran reka bentuk di rantau ASEAN,” katanya ketika berucap dalam majlis pengumuman program Genosis oleh Yayasan Genovasi di Bangunan Perdana Putra, di sini hari ini.

Dalam majlis berkenaan, Najib turut menyempurnakan penyampaian sijil kepada sembilan buah

## 9 SEKOLAH MENDAPAT STATUS INTERNATIONAL BACCALAUREATE WORLD SCHOOL

- SMK Sungai Tapang, Samarahan
- Kolej Melayu Kuala Kangsar
- SMK Sultanah Bahiyah, Alor Setar
- SMK Putrajaya Presint 9 (2)
- SMK Pantai, Labuan
- Kolej Tunku Kurshiah
- SMK Seri Tualang, Temerloh
- SM Sains Tengku Muhammad Faris Petra, Kota Bharu
- SMKA Sheikh Abdul Malek, Kuala Terengganu

sekolah di negara ini yang menerima akreditasi status International Baccalaureate World School.

Hadir sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nancy Shukri; Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid dan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Datuk Seri Alias Ahmad.

Dalam pada itu, menurut Najib, beliau percaya program Genosis yang dijalankan secara ker-

jasama antara Yayasan Genovasi dengan Kementerian Pendidikan akan memastikan implementasi pengajaran dan pembelajaran berkualiti tinggi di sekolah-sekolah di negara ini.

“Saya yakin inisiatif ini akan membantu membangunkan generasi masa hadapan yang dapat merealisasikan matlamat-matlamat yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dan Transformasi Nasional 2050 (TN50),” katanya.

Program Genosis yang diperkenalkan adalah badan akreditasi bebas yang memiliki jaminan kualiti standard dan praktis di peringkat antarabangsa bagi sekolah-sekolah menengah kerajaan.

Sementara itu, Najib menyatakan rasa bangga terhadap kejayaan sembilan sekolah di negara ini yang mencapai status International Baccalaureate World School dengan hanya 1,424 sekolah di dunia yang mengikuti International Baccalaureate Middle Years Programme (IBMYP).

“IBMYP mempromosikan konsep asas pemahaman antara budaya, komunikasi, pembelajaran holistik, pembangunan kepayaan pelajar untuk kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dan hubungan antara disiplin,” katanya.